

PENGLIBATAN IBU BAPA DI RUMAH: Masa yang Berkualiti dan Pencapaian Akademik Anak-anak.

5.1 Manfaat Masa Secara Berkualiti.

Salah satu sebab ibu bapa gagal membimbing dan memotivasikan anak-anak mereka adalah kurangnya masa berkualiti yang diperuntukkan bersama. Dalam kehidupan hari ini, masa ibu bapa bersama anak-anak semakin berkurangan. Keadaan ini tidak dapat dielakkan disebabkan oleh perubahan zaman yang menyaksikan perkara seperti:

1. Beban kerja yang semakin bertambah.
2. Perjalanan semakin lama kerana masalah trafik.
3. Ibu bapa yang dua-duanya bekerja.
4. Anak-anak yang semakin sibuk dengan tuisyen dan aktiviti sekolah.

Semua keadaan di atas membuatkan masa ibu bapa dengan anak-anak semakin terhad. Bagi anak-anak, mereka menilai kasih sayang melalui perhatian dan masa yang diberikan oleh ibu bapa kepada mereka. Tidak ada suatu apa pun yang dapat menggantikan masa. Wang dan kemewahan tidak dapat menggantikan masa. Sebab itulah ramai ibu bapa yang berjaya dan kaya raya tetapi anak-anak bermasalah disebabkan sangkaan mereka kononnya limpahan kekayaan turut dapat dinikmati oleh anak-anak itu dapat membuatkan mereka faham mengenai kesibukan ibu bapa. Sebenarnya tidak. Memang anak-anak seronok menikmati segala kemewahan yang diberikan tetapi pada masa yang sama, mereka tetap meletakkan ibu bapa meluangkan masa bersama mereka.

Solat Berjemaah.

Tidak ada masa yang paling pendek tetapi paling berkualiti selain daripada solat berjemaah bersama keluarga. Paling mudah adalah solat Subuh yang hanya dua rakaat. Jika dihitungkan jumlah masa yang diperlukan tidak sampai pun 15 minit, tetapi ia cukup bermakna kerana di situlah bermulanya hari kita. Dengan solat berjemaah, bapa yang menjadi imam lebih dihormati kedudukannya sebagai ketua keluarga. Selepas itu bermaaf-maafan pula, tidak perlu tunggu hanya pagi hari raya untuk memohon kemaafan.

Selepas bermaaf-maafan, ambilkan peluang untuk memberikan sedikit nasihat dan pesanan kepada anak-anak supaya belajar bersungguh-sungguh, sentiasa buat yang terbaik, jaga akhlak, pilih kawan yang baik-baik, jaga nama keluarga dan sebagainya. Selepas solat, doalah dengan doa yang dapat difahami oleh ahli keluarga dan mereka mengaminkannya bersama. Solat berjemaah bersama keluarga meningkatkan kemesraan dan keakraban antara ibu bapa dan anak-anak. Jika tidak mampu melakukannya setiap hari, pastikan sekurang-kurangnya beberapa kali dalam seminggu. Pada hari minggu, dapat diselitkan sedikit tazkirah yang dapat dipilih seperti kisah-kisah anbiyak dan para sahabat, kisah-kisah teladan, isu-isu semasa, soal tauhid dan akidah dan bermacam-macam lagi. Bahan-bahan tazkirah ini dapat dibeli dari kedai-kedai.

Makan Malam Bersama.

Persefahaman dan keharmonian keluarga dapat dibentuk dengan makan bersama. Disebabkan waktu siang kebiasaannya semua orang sibuk, kenapa tidak dijadikan makan malam sebagai waktu untuk bersama. Sepanjang waktu makan, bolehlah tanya-tanyakan bagaimana hari masing-masing. Tujuannya hanya untuk meningkatkan kemesraan. Jika ada masalah yang mahu dibincangkan, maka ia mesti dibincangkan di luar waktu makan. Jika ada sebarang teguran yang mahu disampaikan, maka tegurlah selepas waktu makan. Kecuali teguran itu berkaitan dengan adab-adab di meja makan, maka bolehlah terus disampaikan. Ini kerana kita tidak mahu mood anak-anak terganggu dengan teguran kita hingga hilang selera makannya.

Jika anak-anak membuka tajuk perbualan yang mungkin menimbulkan ketegangan, maka kawallah keadaan. Minta anak ceritakan selepas selesai makan nanti. Malah adalah satu amalan yang baik jika kita dapat tetapkan satu malam dalam setiap bulan sebagai wajib semua ahli keluarga duduk dan makan bersama. Misalnya, kita boleh pilih hari Sabtu minggu pertama setia bulan sebagai hari berkumpul dan makan bersama. Kekalkan rutin ini hingga ke anak cucu dan sehingga ia menjadi satu tradisi keluarga yang sentiasa ditunggu-tunggu. Ikatan silaturahim juga bertambah erat. Hari ini ikatan kekeluargaan yang rapuh mendorong pelbagai masalah seperti ibu bapa dihantar ke rumah orang tua, adik-beradik bergaduh dan tidak bertegur sapa, anak menantu tidak rapat dengan mertua dan sebagainya. Pastinya ibu bapa tidak mahu perkara sebegini berlaku dalam keluarga sendiri. Oleh itu, mulakan satu tradisi keluarga daripada sekarang.

Satu kajian yang dilakukan oleh Columbia Universiti mendapati anak-anak yang sering makan bersama adalah kurang bermasalah dan kurang terlibat dengan masalah sosial. Mereka juga menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik. Makan bersama juga meransang gaya hidup sihat kerana makanan yang disediakan biasanya jauh lebih berkualiti dan berkhasiat. Malah amalan makan bersama ini lebih menjimatkan dan menyeronokkan. Ibu bapa dapat mulakannya dengan lebih awal dan libatkan anak-anak perempuan bagi membantunya memasak di dapur. Ia umpama kelas memasak secara tidak formal bagi mereka. Bangsa Yahudi mementingkan tradisi makan bersama ini. Oleh itu, lihatlah semangat dan kesatuan yang ditunjukkan oleh bangsa ini hinggakan jumlahnya yang kecil mampu menguasai dunia.

Lakukan Aktiviti Bersama.

Ibu bapa boleh lakukan pelbagai aktiviti bersama seperti bermain boling, bersukan, berjoging, memancing, beriadah dan sebagainya. Cuba libatkan diri dalam aktiviti yang anak-anak suka bukannya yang kita suka. Tetapi jika ada aktiviti yang kita suka dan anak-anak sama-sama suka, maka itu lebih baik. Sepanjang aktiviti ini, lupakan soal kerja dan perkara-perkara lain yang tiada kaitan dengan kita dan anak-anak. Terbaik, tinggalkan telefon bimbit di dalam beg dan jangan dibawa semasa menjalankan aktiviti itu. Ia dapat mengganggu tumpuan dan keseronokan kita. Ia dapat merosakkan hari kita dan masa yang sudah kita peruntukkan bagi bersama dengan anak-anak.

Gunakan Masa Memandu.

Kerap kali masa yang digunakan semasa menghantar anak-anak ke sekolah adalah masa yang dapat dimanfaatkan untuk bercerita, berbincang dan menasihati mereka. Tutup radio dan CD. Berikan tumpuan pada anak-anak. Kita dapat mendengar radio dan CD itu semasa perjalanan pulang selepas menghantar mereka. Malah kita dapat ajar anak-anak mengenai budaya memandu yang selamat dan berhemah. Sebab satu hari nanti, mereka juga akan memandu kenderaannya sendiri. Apabila berbincang dengan anak-anak, pilihlah perbincangan yang ringkas kerana masa pemantauan mungkin pendek disebabkan jarak dari rumah ke sekolah itu mungkin tidak jauh. Kita tidak mahu perbincangan kita tergantung begitu sahaja.

5.2 Teknik Meningkatkan Pencapaian Akademik Anak.

Semua ibu bapa mahukan anak-anak berjaya dalam pelajaran mereka. Biasanya orang tidak bertanya berapa banyak duit yang kita miliki tetapi mereka bertanya apa keputusan yang diperolehi anak kita dalam peperiksaan besar seperti UPSR, PMR dan SPM. Setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan, ia menjadi tajuk perbualan di kalangan jiran tetangga, sanak saudara dan rakan sejawat. Tekanan inilah yang menyebabkan ramai ibu bapa berusaha dengan pelbagai cara bagi membantu anak-anak cemerlang dalam pelajaran.

Penyediaan Pengetahuan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak.

Sebelum anak di hantar ke tadika atau prasekolah dalam mendapatkan pendidikan formal, maka ibu bapa perlu terlebih dahulu mempunyai ilmu asas yang boleh memperkembangkan pendidikan anak-anak secara tidak formal (dirumah) dalam memantapkan kebolehan JERIS anak-anak. Ibu bapa perlu mempunyai pengetahuan awal dalam mendidik anak-anak mereka melalui pendedahan awal segala maklumat yang ada dip persekitaran anak-anak. Antara pendidikan penting perlu diberi pendedahan ialah pendidikan pra-literasi sebelum anak-anak diajar secara formal pendidikan literasi di sekolah. Pra-literasi bermaksud kaedah awal kanak-kanak mengenal alam persekitarannya sebelum mereka belajar secara formal 4M (membaca, meakul, membilang dan menulis). Dalam kaedah literasi membaca disekolah kanak-kanak diajar mengenal huruf dan

kemudian barulah langkah demi langkah mengenal patah perkataan dan seterusnya baris ayat yang mana bagi menghasilkan kanak-kanak tersebut dapat membaca. Namun kaedah pra-literasi ini adalah asas kanak-kanak sebelum mengenal huruf iaitu kanak-kanak perlu didedahkan dahulu dengan perkara yang ingin diajar.

Sebagai contoh, kita ingin mengajar kanak-kanak mengenal EPAL. Dalam konsep pra-literasi kanak – kanak tersebut perlu diberi pendedahan dengan mengenalkannya dengan bahan maujud (sebenar) iaitu buah epal yang boleh disentuh, dirasa dan dilihat warnanya. Kemudian kanak-kanak tersebut perlu diajar menyebut nama EPAL berulang-ulang kali agar kanak-kanak tersebut sentiasa ingat dan mengenalnya. Begitu juga dengan setiap bahan atau perkara yang ada disekeliling kita yang ingin diajarkan pada kanak-kanak. Sekiranya asas pra-literasi kanak-kanak sudah mantap, barulah ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Segala apa yang ingin diajarkan guru disekolah menjadi semakin mudah kerana asas literasi kanak-kanak sudah ada dan membantu kanak-kanak tersebut berjaya menguasai kemahiran 4M dengan cepat dan lebih baik. Jadi, ibu bapa perlu menguasai kemahiran dan kaedah yang sesuai bagaimana cara yang terbaik mengajar anak-anak mereka asas pra-literasi agar isu anak-anak mereka bermasalah dalam pembelajaran akan berkurangan.

Menyediakan Keperluan Asas Pembelajaran.

Kelengkapan yang cukup adalah penting bagi memastikan anak-anak dapat belajar dengan selesa. Misalnya, pensel patah adalah perkara remeh bagi kita tetapi ia besar bagi sesetengah anak terutamanya yang bersekolah rendah dan prasekolah. Tiada peralatan lengkap seperti pensel warna membuatkan seorang anak menjadi malas ke kelas dan hilang tumpuan serta minat untuk belajar. Buku yang tidak mencukupi dapat membuatkan anak member alasan supaya tidak belajar dan sesetengah mereka terpaksa berhadapan dengan kemarahan guru. Pakaian ataupun beg koyak dapat membuatkan anak malu dengan rakan-rakan dan tidak gembira ke sekolah. Oleh itu, sebagai ibu bapa sentiasalah tengok-tengokkan keperluan asas anak ke sekolah ini dari semasa ke semasa dan bukan sekadar di awal tahun sahaja.

Sediakan satu bilik ataupun satu ruangan bagi anak-anak belajar di rumah. Pastikan ruangan ini selesa, tenang, nyaman dan jauh daripada gangguan. Pastikan juga cahayanya mencukupi dan ubah suai tempat belajar ini setiap empat bulan bagi mengekalkan motivasi diri anak dan meningkatkan mood belajar mereka.

Mengawasi dan Menemani Anak.

Ibu bapa dapat meningkatkan komitmen belajar anak dan merangsang minat mereka dengan menemaninya semasa waktu belajar. Bagi anak-anak di peringkat rendah, ibu bapa bolehlah mengajar mereka dan apabila anak-anak mula meningkat ke sekolah menengah, secara beransur-ansur ibu bapa biarkan anak-anak berdikari. Dengan cara ini, tabiat belajar pada masa yang ditetapkan menjadi kebiasaan. Akhirnya mudah bagi kita mendorong minat serta kemahuan mereka. Dr Maxwell Maltz di dalam bukunya Pscho-Cybernetics menyatakan, sesuatu tabiat itu dapat dibentuk ataupun dimusnahkan dalam masa 21 secara berterusan. Oleh itu, bagi membentuk tabiat belajar dalam diri anak-anak, ibu bapa perlu menemani mereka belajar dalam tempoh 21 hari secara berterusan. Dalam tempoh 21 hari itu, ibu bapa mesti memulakan sesi pembelajaran setiap hari pada masa yang sama dan tempat yang sama.

Sabar dalam Mengajar.

Mengajar anak sendiri memerlukan kesabaran yang tinggi. Ramai ibu bapa yang mudah hilang sabar lalu marah-marah dan meninggikan suara apabila mengajar anak-anak mereka. Ibu bapa geram kerana anak-anak mungkin tidak memberikan perhatian, lambat faham, cepat lupa, main-main, melakukan kesilapan yang serupa dan sebagainya. Perlu diingat, anak-anak bukan kita dan mereka tidak dapat menjadi kita. Semakin dimarahi, semakin tertutup minda dan buntu fikiran mereka. Apabila mereka takut melakukan kesilapan, akhirnya mereka tidak mahu mencuba. Ajarlah anak-anak strategi belajar, teknik mengingat, prinsip memori dan sebagainya. Jika kita tidak mampu mengajar mereka maka carilah orang yang dapat membantu dalam hal ini. Mudah-mudahan pembelajaran mereka agar keyakinan diri mereka terbina sedikit demi sedikit.